



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 5 TAHUN 2007

**PÉLAKSANAAN DASAR-DASAR BARU
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)**

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan dasar-dasar baru Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Februari 2007.

LATAR BELAKANG

2. SSPN adalah merupakan satu instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN untuk ibubapa menabung bagi tujuan pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak mereka. Ianya sekaligus akan membantu ibu bapa mengatasi masalah dan kesulitan kewangan apabila anak-anak mereka diterima masuk ke institusi pengajian tinggi. Jumlah keseluruhan deposit terkumpul sehingga 30 September 2007 ialah sebanyak RM42.5 juta.
3. Pelbagai manfaat yang diumumkan dan akan diberi kepada pendeposit/penerima manfaat SSPN semasa pelancarannya pada 6 Ogos 2004 adalah merangkumi manfaat perlindungan insuran serta khairat kematian percuma kepada yang layak. Wang simpanan dijamin

oleh Kerajaan dan dividen tahunan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagi ibu bapa/penjaga yang berpendapatan keluarga tidak melebihi RM1,200 sebulan, ia layak untuk diberi geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga tertakluk jumlah deposit dan tempoh simpanan yang dibuat.

4. Lima (5) agen-agen kutipan SSPN yang telah dilantik ialah Bank Pertanian Malaysia (BPM), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM), Bursa ~~Commerce Bank~~ Commerce Bank (Sekarang dikenali CIMB Bank) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang mempunyai 1,076 buah cawangan di seluruh negara.

DASAR-DASAR BARU

5. Kerajaan telah meluluskan beberapa dasar-dasar baru bagi menjadikan SSPN lebih menarik iaitu :
 - 5.1 Mensyaratkan simpanan wajib dalam SSPN sebanyak RM3,000 kepada keluarga yang berpendapatan bulanan melebihi RM2,000 sebulan dan RM500 kepada keluarga yang berpendapatan tidak melebihi daripada RM2,000 sebulan sebelum anak-anak mereka layak memohon pinjaman PTPTN.
 - 5.2 Sebagai insentif kepada syarat wajib simpanan dalam SSPN, pelepasan cukai sebanyak RM3,000 setahun diberikan kepada ibu bapa atau penjaga yang menabung untuk anak-anak mereka yang berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan.
 - 5.3 Tahap pendapatan ibu bapa/penjaga bagi pemberian geran sepadan dinaikkan dari RM1,200 kepada RM2,000 sebulan.

- 5.4 Menggalakkan kakitangan awam membuat potongan gaji bulanan untuk tujuan penabungan SSPN.

PELAKSANAAN

6. Mulai 1 Januari 2008, ibu bapa atau penjaga disyaratkan mempunyai simpanan wajib dalam SSPN sebelum anak mereka layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN. Menerusi syarat baru itu, keluarga berpendapatan bulanan melebihi RM2,000 sebulan mesti mempunyai simpanan sebanyak RM3,000 di dalam SSPN, manakala mereka yang berpendapatan tidak melebihi daripada RM2,000 sebulan perlu mempunyai simpanan sebanyak RM500.00. Maksud jumlah simpanan yang ditetapkan iaitu RM3,000 dan RM500 mengikut pendapatan keluarga hendaklah di simpan dalam akaun SSPN pelajar tersebut dan termasuk jumlah simpanan akaun SSPN adik beradiknya dalam satu keluarga semasa permohonan pinjaman dibuat untuk dirinya tanpa menghadkan jumlah simpanan di dalam akaun SSPN pelajar tersebut sahaja. Sementara tempoh keahlian SSPN hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun.
7. Sebagai insentif kepada syarat wajib simpanan dalam SSPN, pelepasan cukai sebanyak RM3,000 setahun diberikan mulai taksiran cukai 2007. Peruntukan mengenainya akan disediakan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dan pindaan ke atas Akta tersebut akan dibuat melalui Rang Undang-Undang Kewangan 2007, bersama-sama dengan pindaan lain yang perlu dibuat berikutan dari langkah cukai yang akan diumumkan dalam Bajet 2008.
8. Pelepasan cukai akan diberikan sekali setahun bagi setiap taksiran bergantung sekiranya terdapat simpanan bersih pada taksiran tahun semasa. Simpanan bersih dalam tahun semasa adalah jumlah

simpanan yang dibuat dalam tahun semasa ditolak dengan jumlah pengeluaran yang juga dibuat dalam tahun yang sama. Pelepasan cukai ini adalah berasingan dengan pelepasan ke atas bayaran premium Insurans Pendidikan. Pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan dalam SSPN ini hanya akan diberikan kepada :

- 8.1 Ibu bapa dan ibu bapa angkat/penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN untuk manfaat anak diberi pelepasan sehingga maksimum RM3,000 setahun tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa;
 - 8.2 Ibu bapa yang membuat taksiran berasingan dan telah membuka akaun simpanan SSPN berasingan atas anak yang sama diberi pelepasan sehingga RM3,000 seorang setahun;
 - 8.3 Ibu bapa yang membuat taksiran bersama dan telah membuka akaun simpanan SSPN berasingan diberi pelepasan sehingga maksimum RM3,000 setahun; dan
 - 8.4 Individu yang menyimpan untuk diri sendiri tidak diberi pelepasan cukai.
9. Bagi mereka yang berpendapatan keluarga RM2,000 atau ke bawah sebulan, kini boleh dipertimbangkan pemberian geran sepadan. Mereka yang layak boleh membuat tuntutan pengeluaran selepas anak-anak sudah diterima masuk dan mendaftar ke mana-mana IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan. Mana-mana kakitangan awam yang dahulunya mempunyai pendapatan keluarga melebihi RM1,200 sebulan tidak layak untuk diluluskan geran sepadan dan kini masih menerima gaji dengan pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,000 sebulan dan berhajat untuk mendapat insentif geran sepadan adalah diingatkan untuk mengemukakan salinan slip gaji bagi terima gaji pada bulan Februari 2007 atau yang terkini.

10. Bagi menggalakkan kakitangan awam membuat potongan gaji bulanan untuk tujuan penabungan SSPN, Jabatan Akauntan Negara telah meluluskan kod transaksi 4433 di mana pendeposit yang berminat boleh mula membuat potongan gaji masing-masing. Borang Potongan Gaji yang boleh digunakan adalah seperti dilampirkan. Borang Potongan Gaji ini juga boleh dicetak dari laman web PTPTN di alamat www.ptptn.gov.my.
11. Bagi Badan Berkanun, Agensi Kerajaan atau pihak swasta lain, potongan gaji boleh dibuat setelah mendapat persetujuan majikan masing-masing atau membuat potongan gaji melalui BPA – Biro Perkhidmatan Angkasa.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menyuat perintah,



(YUNUS BIN ABD. GHANI)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

12 Oktober 2007